

# Arahan bagi semua Ketua-ketua Setiausaha

# Jelaskan konsep baru

BM 10 JUL 1983

# kepada kakitangan mereka

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menga-  
rahkan semua Ketua Setiausaha, Jabatan Persekutuan, Badan-badan Berkanun dan Setiausaha Kerajaan Negeri supaya menerangkan dengan jelas konsep dasar-dasar baru Kerajaan kepada pegawai dan kakitangan mereka.

Dengan cara ini, jelas Perdana Menteri, dasar-dasar itu akan dapat dilaksanakan mengikut matlamat asalnya, tanpa

kekeliruan.

Dalam surat pekeling Jabatan Perdana Menteri bertarikh 28 Jun dan ditandatangani oleh Datuk Seri Dr Mahathir sendiri, beliau menerangkan bahawa empat dasar baru itu ialah Pandang Ke Timur, Persyarikatan Malaysia, Penswastan dan Kepemimpinan Melalui Teladan.

Beliau berkata dasar-dasar itu adalah untuk mempertingkatkan kemajuan dan pembangunan negara. Perdana Menteri juga memberikan sedikit ulasan mengenai dasar-dasar itu untuk mengelakkan salah faham dan tafsiran.

● **PANDANG KE TI-**

**MUR:** Perkara yang ditumpukan ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan pekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, mutu yang tinggi dan peningkatan kecekapan.

Turut ditumpukan ialah pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja, sistem pengurusan yang menitik-beratkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek dan lain-lain yang dipercayai boleh menyumbang kepada kemajuan negara.

Pandang ke Timur tidak bermakna memintaminta dari orang Timur atau memindahkan tanggungjawab terhadap kemajuan Malaysia kepada negara-negara Timur.

Tanggungjawab terhadap negara adalah tanggungjawab bersama dan bukan orang lain.

Pandang ke Timur juga tidak bermakna membeli semua barang atau memberi semua kontrak kepada syarikat-syarikat negara Timur melainkan tawaran mereka itu adalah terbaik.

● **PERSYARIKATAN MALAYSIA:** Konsep ini bermakna menganggap Malaysia sebagai sebuah syarikat yang mana Kerajaan dan swasta menjadi pemilik dan pekerja dalam syarikat itu.

Jika Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat, maka penduduk-penduduknya, sama ada kakitangan kerajaan atau swasta, adalah pemilik dan pekerja dalam "Syarikat Malaysia."

Adalah jelas bahawa Pensyarikatan Malaysia ditakrifkan sebagai konsep kerjasama antara Kerajaan dan swasta supaya pihak swasta akan berjaya dan memberi lebih banyak sumbangan kepada pembangunan negara.

● **PENSWASTAAN:** Maknanya bertentangan dengan 'nationalisation' yang lebih memiliknegerakan perusahaan-perusahaan yang dimiliki oleh swasta, sedangkan

penswastan bermakna memindahkan perkhidmatan dan perusahaan Kerajaan kepada swasta.

Di negara ini, perkhidmatan pos dan telekom, radio dan televisyen, kereta api, syarikat penerbangan dan-perkapalan, lapangan terbang, hospital dan kelinik, pelabuhan, institusi pelajaran, jalanraya dan sebagainya adalah dimiliki oleh Kerajaan.

Tetapi jika perkhidmatan ini diuruskan oleh swasta, Kerajaan masih boleh mendapat cukai dan lain-lain bayaran.

Proses penswastan ini boleh dibuat secara beransur-ansur setelah kajian teliti dibuat. Sebarang perubahan tetap akan membawa kepada keadaan kelam-kabut dan kekeliruan buat sementara.

Tetapi jika pemindahan ini dilakukan dengan berhati-hati, kekeliruan ini tidak akan berpanjangan.

● **KEPEMIMPINAN MELALUI TELADAN:** Cogan kata ini adalah jelas dan tidak perlu diulas.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan dari ahli politik atau perkhidmatan awam sudah tentu dikehendaki menunjukkan teladan yang baik.

Adalah penting bagi mereka memahami dasar-dasar Kerajaan dan mengamalkannya supaya teladan yang baik dapat dicontohi oleh semua rakyat di negara ini, demi kebaikan dan kesejahteraan bersama.